



Hala Tuju

قور تڦوليو

Portfolio

KERAJAAN NEGERI KELANTAN 2024-2028

Berdasarkan PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI) 2023-2033

AN SENI @ KAMPUNG LAUT



Hala tuju

قور تقویو

portfolio

KERAJAAN NEGERI KELANTAN 2024-2028

Berdasarkan PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI) 2023-2033

AN SENI KAMPUNG LAUT



Hak Cipta Terpelihara

Sebarang pengeluaran semula mana-mana bahagian kandungan, imej atau petikan daripada buku ini dalam sebarang bentuk dan melalui apa-apa kaedah sama ada secara digital, fotokopi, mekanikal, rakaman atau lain-lain cara adalah dilarang kecuali dengan kebenaran bertulis daripada:

Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan

Aras 1, Blok 1, Kompleks Kota Darulnaim,
15503 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09748 4259
Faks: 09744 3411
Emel: upen@kelantan.gov.my

Reka Bentuk Grafik & Cetakan:

Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia (IPTG),
Tingkat Bawah, Blok Dewan Undangan Negeri Kelantan,
Kompleks Kota Darulnaim, 15503 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-7470919
Emel: iptg.kel@gmail.com



Hala tuju **portfolio** *قورنڤوليو*
KERAJAAN NEGERI KELANTAN **2024-2028**
Berdasarkan PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI) 2023-2033



ISI KANDUNGAN

PERUTUSAN YAB MB KELANTAN.....	V
KATA ALU-ALUAN YBM SUK.....	VII
Pengenalan.....	01
Visi, Misi	02
Objektif	03
Akronim dan Singkatan.....	04
Ringkasan Portfolio.....	08



Perutusan Dari

MENTERI BESAR KELANTAN

YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

إِنَّا مَكَّنَّا لَهُمْ فِي الْأَرْضِ وَعَآتَيْنَاهُ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ سَبَبًا ﴿٨٤﴾

Yang bermaksud: "Sesungguhnya Kami telah memberikan kepadanya kekuasaan memerintah di bumi, dan Kami beri kepadanya jalan bagi menjayakan tiap-tiap sesuatu yang diperlukannya."

(Surah al-Kahfi: 84)

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpahan rahmat, taufik dan hidayah-Nya. Dalam suasana aman, damai dan harmoni ini, kita dikurniakan peluang untuk terus menabur bakti kepada negeri dan rakyat Kelantan, berteraskan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) sebagai asas pembangunan negeri yang syumul.

Seiring dengan itu, Dokumen Hala Tuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2024-2028 Berdasarkan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2023-2033 telah digubal sebagai langkah strategik untuk memperkasa pentadbiran dan pembangunan negeri dalam tempoh lima tahun akan datang. Dokumen ini menjadi hala tuju jangka sederhana dalam kerangka besar *Kelantan Futures State 2033*.

Dokumen ini juga akan menjadi rujukan utama kepada semua jabatan, agensi dan urus setia di bawah Kerajaan Negeri Kelantan dalam merancang, melaksana dan menilai segala inisiatif pembangunan, pentadbiran serta kesejahteraan sosial rakyat. Pada masa yang sama, ia berperanan memperkukuh daya saing pembangunan negeri dalam menghadapi cabaran global, seiring dengan matlamat pembangunan mampan.

Lebih daripada itu, dokumen ini berperanan untuk menterjemah dan merealisasikan teras-teras utama yang digariskan dalam Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2023-2033 ke arah mengakar budaya kerja Islami secara menyeluruh di semua peringkat pentadbiran negeri.

Akhir kalam, marilah kita berganding bahu menjayakan gagasan besar ini di medan tindakan. Mudah-mudahan segala ikhtiar ini dinilai sebagai amal soleh dan dikurniakan keberkatan oleh Allah SWT, demi kebaikan negeri, rakyat dan generasi akan datang.

Dasar Menerajui, Pelan Tindakan Mengemudi, Rakyat Memanfaati.

Sekian, wassalam.

**"ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI"
"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"**

“

Rujukan utama kepada semua jabatan, agensi dan urus setia di bawah Kerajaan Negeri Kelantan dalam merancang, melaksana dan menilai segala inisiatif pembangunan, pentadbiran dan kesejahteraan sosial rakyat. Berperanan menterjemah dan merealisasikan teras-teras utama yang digariskan dalam Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2023-2033 ke arah mengakar budaya kerja Islami secara menyeluruh di semua peringkat pentadbiran negeri.

”



YAB DATO' PANGLIMA PERANG,
USTAZ DATO' HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD
S.J.M.K., D.J.M.K., J.M. K. (Kelantan)



Kata Auan

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

YBM TENGGU KAYA PERKASA DATO' DR TENGGU MOHAMED FAZIHARUDEAN AL HAJ BIN TENGGU FEISSAL

Bismillahirrahmanirrahim.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya, Dokumen Hala Tuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2024-2028 Berdasarkan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2023-2033 berjaya diterbitkan. Dokumen ini merupakan pelan perancangan strategik yang berfungsi sebagai rujukan utama dalam melaksanakan pembangunan negeri secara terancang, menyeluruh dan berimpak tinggi.

Dokumen ini disusun sebagai kerangka strategi pembangunan negeri bagi tempoh lima tahun, menetapkan hala tuju dan wawasan negeri melalui portfolio yang telah diluluskan secara holistik. Ia turut memperincikan matlamat pembangunan negeri berpandukan strategi PMBI 2023-2033, merangkumi bidang fokus, strategi, pelan tindakan serta peranan setiap jabatan pelaksana dalam merealisasikan program dan projek yang dirancang.

Sejajar dengan dasar PMBI 2023-2033, dokumen ini menjadi pedoman utama kepada semua jabatan dan agensi dalam memastikan pembangunan negeri kekal berpaksikan nilai Islam. Sasaran utama yang digariskan termasuk meningkatkan pertumbuhan KDNK negeri sekurang-kurangnya 6.0% setiap tahun, memperkukuh peluang pekerjaan, menarik pelaburan strategik serta mengoptimumkan hasil dan kutipan Kerajaan Negeri.

Kerjasama erat antara Kerajaan Negeri, agensi pelaksana, sektor swasta dan rakyat amat penting dalam merealisasikan strategi serta pelan tindakan yang telah dirangka. Sokongan padu semua pihak bakal menjadi pemangkin utama dalam merealisasikan matlamat pembangunan negeri yang progresif, terarah dan selari dengan Maqasid Syariah.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang menyumbang kepada penerbitan dokumen ini, khususnya Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan selaku urus setia, atas komitmen tinggi dalam memastikan hala tuju ini disiapkan dengan teliti dan berkualiti.

Semoga dokumen ini menjadi panduan utama dalam mendorong Negeri Kelantan ke arah kemajuan yang lebih berdaya saing dan berimpak tinggi, demi kesejahteraan rakyat seluruhnya. Bersama-sama kita memacu Kelantan ke arah kemajuan yang mampan dan berkekalan, insya-Allah.

“

Dokumen ini disusun sebagai kerangka strategi pembangunan negeri bagi tempoh lima tahun, menetapkan hala tuju dan wawasan negeri melalui portfolio yang telah diluluskan secara holistik. Dokumen ini menjadi pedoman utama kepada semua jabatan dan agensi dalam memastikan pembangunan negeri kekal berpaksikan nilai Islam.

”



SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN
YBM TENGGU KAYA PERKASA DATO' DR TENGGU MOHAMED
FAZIHARUDEAN AL HAJ BIN TENGGU FEISSAL





PENGENALAN

Kerajaan Negeri Kelantan terus komited melaksanakan pentadbiran berteraskan Islam, selaras dengan Dasar "Membangun Bersama Islam" dan pendekatan 'Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) yang telah menjadi tunjang kepimpinan negeri sejak sekian lama. Kerangka Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2023-2033 diperkenalkan sebagai dokumen induk untuk mengukuhkan penghayatan prinsip Islam dalam pembangunan negeri secara komprehensif. Dokumen Hala Tuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2024-2028 Berdasarkan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2023-2033 dilaksanakan melalui empat fasa seperti berikut:

Fasa Pemacu Strategi

Fasa Kemampunan Strategi

Fasa Peneguh Visi

Fasa Keberhasilan

Fasa ini dilaksanakan berasaskan Maqasid Syariah, memastikan setiap aspek kemajuan Kelantan dipandu oleh lima matlamat utama syariat iaitu Hifz al-Din, Hifz al-Nafs, Hifz al-Nasl, Hifz al-'Aql dan Hifz al-Mal. Pendekatan ini menjamin pembangunan yang holistik, bukan sahaja memacu pertumbuhan ekonomi tetapi turut memelihara agama, nyawa, keturunan, akal dan harta rakyat secara berimbang dalam setiap aspek pembangunan negeri.

Ini bermakna setiap program dan projek yang dilaksanakan akan dipastikan selari dengan prinsip memelihara agama dan moral rakyat, menjamin keselamatan dan kesejahteraan nyawa, memperkukuh institusi kekeluargaan dan masyarakat, meningkatkan pendidikan dan pemikiran yang sihat serta memakmurkan ekonomi dan pengurusan harta benda rakyat.

Kelima-lima Maqasid Syariah ini dipertanggungjawabkan kepada penjawat awam untuk dilaksanakan sesuai dengan lima prinsip Pengurusan *Ihtirafi*, iaitu:

Hawariyyun: Pendukung kepada perjuangan suci

Kafa'ah: Akhlak Islami dan integriti

Wafa' bil 'Uqud: Keinginan untuk mencapai piawaian yang terbaik

Himmatul 'Amal: Mengejar peningkatan kualiti dan cita-cita dalam kerjaya

Hafazah: Memelihara dan meningkatkan imej profesion

Dokumen Hala Tuju Portfolio Kerajaan Negeri Kelantan 2024-2028 Berdasarkan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) 2023-2033 disediakan bagi menetapkan hala tuju strategik dan wawasan kerajaan negeri untuk tempoh lima tahun akan datang. Dokumen dasar kerajaan ini menghuraikan agenda pembangunan negeri Kelantan berpandukan strategi PMBI 2023-2033, dengan menterjemahkan aspirasi jangka panjang tersebut ke dalam pelan tindakan jangka sederhana 2024-2028. Dokumen hala tuju ini menggariskan bidang fokus, strategi, pelan tindakan serta penentuan jabatan pelaksana bagi setiap program dan projek yang dirancang. Ini sekali gus memberi gambaran jelas mengenai perancangan negeri dalam tempoh lima tahun berkenaan.

Dokumen ini merupakan dokumen yang menggantikan Hala Tuju Portfolio Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Kelantan Melangkah Ke Hadapan 2018-2023, seterusnya memastikan kesinambungan dalam usaha pembangunan negeri, di mana dasar-dasar terdahulu dapat diteruskan dengan penambahbaikan. Melalui pelaksanaan hala tuju baharu ini, kerajaan negeri menggembleng jabatan, agensi dan urus setia di seluruh Kelantan agar bergerak secara sistematik, proaktif dan kompetitif dalam merealisasikan wawasan negeri Kelantan. Pendekatan yang tersusun dan berperingkat ini akan memacu kemajuan Kelantan secara mampan dan terarah, di samping memastikan nilai-nilai Islam terus dihayati sebagai teras pentadbiran negeri pada setiap peringkat pembangunan.

VISI

Kelantan sebagai negeri maju dan sejahtera berlandaskan Penghayatan Membangun Bersama Islam.

MISI

1 Memartabatkan Pentadbiran Berlandaskan Islam dengan Pertumbuhan Ekonomi Mampan dan Berdaya Saing:

Memperkuhkan tadbir urus negeri berteraskan syariat dengan menjadikan Maqasid Syariah sebagai panduan utama dalam setiap dimensi pembangunan. Pada masa yang sama, mempertingkatkan integriti, keberkesanan undang-undang dan tadbir urus baik di peringkat Kerajaan Negeri serta memacu pertumbuhan ekonomi negeri yang mampan, inklusif dan berdaya saing. Penekanan diberikan kepada kemakmuran rakyat, kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar demi mencapai Negeri Kelantan yang makmur dan sejahtera.

2 Pemantapan Sistem Penyampaian Kerajaan:

Menggembleng perkhidmatan awam, agensi-agensi serta urus setia kerajaan secara sistematik, proaktif dan kompetitif bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, efektif dan mesra rakyat dapat dicapai. Pendekatan ini merangkumi usaha mempertingkatkan kecekapan pentadbiran, penggunaan teknologi terkini serta kerjasama antara agensi agar matlamat pembangunan dapat dicapai secara optimum.

3 Pembangunan Modal Insan dan Sosial yang Unggul:

Membangunkan masyarakat dan modal insan yang berilmu, berakhlak mulia serta berdaya maju melalui peneguhan sistem pendidikan, pembinaan sahsiah (pembangunan insan) dan pemeraksanaan komuniti rabbani yang menjunjung tinggi nilai-nilai murni Islam.

01

02



OBJEKTIF

1 Pertumbuhan Ekonomi:

Meningkatkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negeri Kelantan sekurang-kurangnya 6.0% setiap tahun sepanjang tempoh 2024-2028. Pertumbuhan ekonomi yang mampan ini akan memperkukuh kapasiti negeri dalam membangun serta menjana kemakmuran rakyat secara menyeluruh.

2 Peningkatan Hasil Negeri:

Mengoptimumkan kutipan hasil dan memperkukuh sumber pendapatan Kerajaan Negeri melalui pelbagai inisiatif, termasuk pengenalan sumber hasil baharu, pemantapan sistem penyampaian hasil serta pengurusan kewangan yang berhemat. Peningkatan hasil ini amat penting bagi membiayai projek pembangunan dan penyampaian perkhidmatan awam demi memastikan kesejahteraan rakyat.

3 Peluang Pekerjaan:

Meningkatkan peluang pekerjaan bagi rakyat Kelantan serta mengurangkan kadar pengangguran negeri ke tahap yang lebih rendah berbanding purata nasional. Usaha ini bertujuan memastikan lebih ramai rakyat mendapat pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup masyarakat sejajar dengan pembangunan ekonomi yang mampan.

4 Pelaburan Strategik:

Menarik pelaburan bernilai tinggi ke Negeri Kelantan bagi merancakkan pembangunan ekonomi dan mewujudkan peluang baharu dalam sektor perindustrian, perdagangan serta keusahawanan. Tumpuan diberikan kepada pelaburan berimpak tinggi dan berteknologi moden bagi memastikan daya saing ekonomi negeri terus terjamin.

5 Kelestarian Alam Sekitar dan Pemerksaan Teknologi Hijau:

Pembangunan lestari diteruskan selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) melalui pemerksaan teknologi hijau, pengurusan sumber asli dan semula jadi secara berhemah serta pengukuhan keupayaan menghadapi perubahan iklim. Tumpuan diberikan kepada pembangunan tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan mesra alam, pengurusan sisa secara mampan serta pemuliharaan hutan, biodiversiti dan kawasan tadahan air demi menjamin kelestarian alam untuk generasi akan datang.

6 Penyelesaian Isu Utama Infrastruktur dan Sosial:

Menangani isu-isu utama pembangunan yang dihadapi oleh Negeri Kelantan, khususnya masalah banjir tahunan, bekalan air bersih terawat, kekurangan infrastruktur jalan raya, serta ketidakseimbangan sosioekonomi antara Kelantan dengan negeri-negeri lain. Objektif ini akan dicapai melalui pelaksanaan projek mitigasi banjir, pembangunan infrastruktur utiliti dan pengangkutan secara komprehensif serta program pengurangan jurang ekonomi dan kemiskinan antara wilayah.



AKRONIM DAN SINGKATAN

3PK	Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas
AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
AI	<i>Artificial Intelligence</i>
AKSB	Air Kelantan Sdn. Bhd.
AMMK	Ahli Majlis Mesyuarat Kelantan
APM	Angkatan Pertahanan Awam Malaysia
APMM	Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
ASWARA	Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan
BAHUU	Bahagian Hal Ehwal Undang Undang
BBA	Bahagian Bekalan Air
BITU	Bahagian Integriti dan Tadbir Urus
BKI-GIS	Bahagian Koridor Infrastruktur dan Sistem Maklumat Geospatial
BKP	Bantuan Kecil Persekutuan
Bhg. KP	Bahagian Khidmat Pengurusan
BKPK	Bahagian Koordinasi dan Program Khas
BKT	Bahagian Kerajaan Tempatan
BLSZP	Bahagian Lembangan Sungai dan Zon Pantai
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPNK	Bahagian Penguatkuasaan Negeri Kelantan
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
BPTM	Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat
BPZP	Bahagian Pengurusan Zon Pantai
CeIO	<i>Certified Integrity Officer</i>
CGSO	Pegawai Integriti Bertauliah <i>Chief Government Security Officer</i>
DAMAI	Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan <i>Darulnaim Agro Management Industries Sdn. Bhd.</i>
DOF	<i>Department of Fisheries Malaysia</i>
DPMM	Jabatan Perikanan Malaysia Dewan Perniagaan Melayu Malaysia
DPRK	Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan
ECER	<i>East Coast Economic Region</i> Wilayah Ekonomi Pantai Timur

ECERDC	<i>East Coast Economic Region Development Council</i>
ECRL	Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur <i>East Coast Rail Link</i>
EKSA	Laluan Rel Pantai Timur Ekosistem Kondusif Sektor Awam
FAMA	Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
FAMOUS	Persatuan Perubatan Keluarga USM <i>Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority</i>
FELCRA	Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan <i>Federal Land Development Authority</i>
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan <i>Government Link Company</i>
GLC	Syarikat Berkaitan Kerajaan
HRMIS	Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia
HUSM	Hospital Universiti Sains Malaysia <i>Integrated Agriculture Development Area</i>
IADA	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu <i>Information and Communications Technology</i>
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
IKMA	Institut Koperasi Malaysia
ILDAN	Institut Latihan Darul Naim
ILMUAN	Ikatan Ilmuan Nasional
ILP	Institut Latihan Perindustrian <i>Institute of Malaysian Plantation and Commodities</i>
IMPAC	Institut Peladangan dan Komoditi Malaysia <i>Internet of Things</i>
IoT	<i>Integrated Plastic Kogyo (M) Sdn. Bhd.</i>
IPK	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTA	Institut Pemikiran Tok Guru
IPTG	Institut Pengajian Tinggi Swasta <i>Integrated River Basin Management</i>
IPTS	Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu
IRBM	



ISM	Institut Sosial Malaysia
ISMP	Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu
ISP	Industri Sokongan Perikanan
IWK	Indah Water Konsortium
JAHEAIK	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JBS	Jabatan Belia dan Sukan
JDN	Jabatan Digital Negara
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia
JKMN	Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri
JKN	Jabatan Kesihatan Negeri
JKPTG	Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Persekutuan
JKR	Jabatan Kerja Raya
JKSNK	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan
JLM	Jabatan Laut Malaysia
JMG	Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia
JMNK	Jabatan Mufti Negeri Kelantan
JPBD	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPKN	Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
JPM	Jabatan Perdana Menteri
JPN	Jawatankuasa Perancang Negeri
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
JPNK	Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
JPPH	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPSNK	Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Kelantan
JPV	Jabatan Perkhidmatan Veterinar
JPVNK	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
JPWNC	Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Kelantan
JSANK	Jabatan Sumber Air Negeri Kelantan
JTK	Jabatan Tenaga Kerja
JUPEM	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu

KBC	Kelantan Biotech Corporation Sdn. Bhd.
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
KGT	Kelantan Gold Trade Sdn. Bhd.
KIAS	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra
KIGSB	Kelantan ICT Gateway Sdn. Bhd.
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KKR	Kementerian Kerja Raya
KPDN	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
KPK	Kompleks Perkayuan Kelantan
KPKB	Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
K-RABB	Komuniti Rabbani
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KUMH	Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings
KUSKOP	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
LKIM	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia
LKM	Lembaga Kaunselor Malaysia
LKTN	Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara
LPNM	Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
	<i>Land Registration Authority</i>
LRA	Pihak Berkuasa Pendaftaran Tanah
LSTSB	Ladang Sungai Terah Sdn. Bhd.
	<i>Malaysian Agricultural Economics Association</i>
MAEA	Persatuan Ekonomi Pertanian Malaysia
	<i>Malaysian Association of Hotels</i>
MAH	Persatuan Hotel Malaysia
MAIK	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MARDI	Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia
	<i>Malaysian Accounting Standard Board</i>
MASB	Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia
	<i>Malaysia External Trade Development Corporation</i>
MATRADE	Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia

**MATTA**

Malaysian Association of Tour & Travel Agents
Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia

MBJ

Majlis Bersama Jabatan

MDEC

Malaysia Digital Economy Corporation
Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia

MDGM

Majlis Daerah Gua Musang

MDKK

Majlis Daerah Kuala Krai

MDKPI

Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam

MDM

Majlis Daerah Machang

MDPM

Majlis Daerah Pasir Mas

MDPP

Majlis Daerah Pasir Puteh

MDT

Majlis Daerah Tumpat

MGTC

Malaysian Green Technology and Climate Change Corporation
Perbadanan Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia

MIDA

Malaysian Investment Development Authority
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia

MKN

Majlis Keselamatan Negara

MMK

Majlis Mesyuarat Kerajaan

MNC

Multinational Corporation

MOT

Ministry of Transport
Kementerian Pengangkutan Malaysia

MOTAC

Ministry of Tourism, Arts and Culture
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

MOU

Memorandum of Understanding

MPC

Malaysia Productivity Corporation
Perbadanan Produktiviti Malaysia

MPKB-BRI

Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam

MPOB

Malaysian Palm Oil Board
Lembaga Minyak Sawit Malaysia

MNPO

Majlis Penasihat OKU Negeri

MPPOK

Majlis Persefahaman Pertubuhan OKU Kelantan

MPUK

Majlis Pembangunan Usahawan dan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Kebangsaan

MPWP

Majlis Perundingan Wanita Parlimen

MQA

Malaysian Qualifications Agency
Agensi Kelayakan Malaysia

MRL

Malaysia Rail Link

MSN

Majlis Sukan Negara Negeri Kelantan

MYBHA

Malaysia Budget & Business Hotel Association
Persatuan Hotel Bajet & Bisnes Malaysia

MYGAP

Malaysian Good Agricultural Practice
Skim Persijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia

MYORGANIC

Malaysian Organic Certification Scheme
Skim Persijilan Organik Malaysia

NACSA

National Cyber Security Agency
Agensi Keselamatan Siber Negara

NADMA

Agensi Pengurusan Bencana Negara

NAWABS

National Water Balance System
Sistem Imbangan Air Kebangsaan

NGOI

Pertubuhan Islam Bukan Kerajaan

NGO

Non-Governmental Organization

Pertubuhan Bukan Kerajaan

Non-Revenue Water

NRW

Air Ridak Terhasil

OSA

Official Secrets Act 1972

Akta Rahsia Rasmi 1972

OSC

Unit Pusat Setempat

PAAB

Pengurusan Aset Air Berhad

PASAK

Pasukan Angkatan Anak Seni Kelantan

PAWE

Pusat Aktiviti Warga Emas

PBBT

Perbadanan Bandar Baru Tunjong

PBTB

Perbadanan Bandar Tok Bali

PBT

Pihak Berkuasa Tempatan

PdPc

Pembelajaran dan Pemudahcaraan

PDRM

Polis Diraja Malaysia

PeKa

Peduli Kesihatan

PERAKAN

Persatuan Anak Kelantan Perantauan Malaysia

PERKESO

Pertubuhan Keselamatan Sosial

PERKIM

Pertubuhan kebajikan Islam Malaysia

PERMATA

Persatuan Pengusaha Madrasah Tahfiz Al-Quran

PERSIAP

Persatuan Sekolah Sekolah Islam Persendirian Kelantan

PETRA

Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air

PKD

Pejabat Kesihatan Daerah

PKINK

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan

PKMS

Produktif Kualiti Medical Supply Sdn. Bhd.

PKN

Perbendaharaan Negeri Kelantan

PKOB

Pusat Kawalan Operasi Bencana

PKPBK

Persatuan Kebajikan Penduduk Kg Bukit Kenangan

PKPNK

Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan

PKS

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia


**PLAN
Malaysia
Kelantan**

PMBI	Penghayatan Membangun Bersama Islam
PMBK	Perbadanan Menteri Besar Kelantan
PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
PNK	Persatuan Nelayan Kawasan
PPA	Pusat Pengembangan Akuakultur
PPAK	Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
PPK	Pusat Pemajuan Kawasan
PPN	Pelan Pemulihan Negara
PPNK	Pejabat Pembangunan Negeri Kelantan
PPWK	Pusat Pembangunan Wanita Kelantan
PPWNK	Pusat Pembangunan Wanita Negeri Kelantan
PTG	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
PTJ	Pejabat Tanah dan Jajahan
PTJGM	Pejabat Tanah dan Jajahan Gua Musang
PTJJ	Pejabat Tanah dan Jajahan Jeli
PTJKL	Pejabat Tanah dan Jajahan Kecil Lojing
PTJTM	Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah
PTK	Pesuruhjaya Tanah Kelantan
PTMS	Penghulu Tanpa Mukim Seranta
PWK	Perencanaan Wilayah dan Kota
REDD+	<i>Reducing Emission from Deforestation and Forest Degradation Rubber Industry Smallholders Development Authority</i>
RISDA	Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RKK	Rancangan Khas Kawasan
RMLT	Rancangan Malaysia Lima Tahun
RMK	Rancangan Malaysia Ke
RPT	Rancangan Pembangunan Tanah
RT	Rancangan Tempatan
SG4	<i>State Government 4</i>
SIRIM	Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia
SKM	Suruhanjaya Koperasi Malaysia
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SKT	Sasaran Kerja Tahunan
SME Corp. Malaysia	<i>Small and Medium Enterprise Corporation Malaysia</i>
SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
SPARK	Unit Pemantauan dan Pelaksanaan Strategik
SPN	Sekretariat Permuafakatan NGO Kelantan

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Kelantan
**SPRM
SPW
SSM
SUK
SUKMA
SWCORP
TEKUN
TELCO
TIC
TKPM
TLDM
TMDL
TNB
TRR
UAD
UBES
UiTM
UKAS
UKEKWA
UM
UMI
UMK
UPEN
UPI
UPKN
USM
USP
YAKEIK
YAKIN
YIK
YKN
YTK
ZIA**

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SPS Prihatin Wanita
Suruhanjaya Syarikat Malaysia
Setiausaha Kerajaan
Sukan Malaysia
Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga
<i>Telecommunication Company Kelantan Tourist Information Centre</i>
Taman Kekal Pengeluaran Makanan
Tentera Laut Diraja Malaysia
<i>Total Maximum Daily Loads</i>
Tenaga Nasional Berhad
Tanah Rizab Ragutan
Unit Audit Dalam
Urus Setia Belia dan Sukan Kelantan
Universiti Teknologi MARA
Unit Kerjasama Awam Swasta
Urusetia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Negeri Kelantan
Universiti Malaya
Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan
Universiti Malaysia Kelantan
Unit Perancang Ekonomi Negeri
Unit Pembangunan Insan
Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan
Universiti Sains Malaysia
<i>Universal Service Provision</i>
Yayasan Kemajuan Ekonomi Islam Kelantan
Yayasan Kelantan Darulnaim
Yayasan Islam Kelantan
Yayasan Kebajikan Negara
Yayasan Tok Kenali
Zon Industri Akuakultur



JAWATANKUASA



Petunjuk:

- Skop Utama: 46
- Flagship: 87
- BF Bidang Fokus: 115
- ST Strategi: 326
- PT Pelan Tindakan: 770



Portofolio

JAWATANKUASA 1

**PERANCANGAN, PENTADBIRAN AWAM,
KEWANGAN, EKONOMI DAN TANAH**



PORTFOLIO PERANCANGAN, PENTADBIRAN AWAM, KEWANGAN, EKONOMI DAN TANAH



1

2

3

4

5

BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA

BIDANG FOKUS

STRATEGI

PELAN TINDAKAN

1

PERANCANGAN

2

9

17

2

PENTADBIRAN AWAM

4

14

28

3

KEWANGAN

2

2

12

4

EKONOMI

2

4

19

5

TANAH

3

7

17

JUMLAH

13

36

93

TERAS STRATEGIK

MEMACU KECEMERLANGAN KECEKAPAN PENTADBIRAN AWAM, KEMAMPAHAN KEWANGAN, KEMAJUAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN TANAH

FLAGSHIP

PROGRAM/PROJEK MERCU

- 01 DOKUMEN INDUK PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI) 2023-2033
- 02 HALA TUJU PORTFOLIO KERAJAAN NEGERI KELANTAN 2024-2028 BERDASARKAN PENGHAYATAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM (PMBI) 2023-2033
- 03 PELAN STRATEGIK PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
- 04 PELAN PELAKSANAAN STRATEGI LAUTAN HIJAU
- 05 DASAR KEWANGAN NEGERI KELANTAN
- 06 PELAN PEMBANGUNAN KELANTAN 2025-2055
- 07 YAYASAN KEMAJUAN EKONOMI ISLAM KELANTAN (YAKEIK)
- 08 PENDIGITALAN URUSAN PERKHIDMATAN KERAJAAN



BF
2ST
9PT
17

1

2

3

4

5

BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: PERANCANGAN

BIDANG FOKUS 1

PENGUKUHAN KECEKAPAN KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN KEPERLUAN RAKYAT MENDOKONG ASPIRASI KEPIMPINAN

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
1. Membangunkan Pelan Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).	1. Pemetaan dan penyediaan Pelan Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam: <ul style="list-style-type: none"> Bengkel dan libat urus mengikut fasa-fasa pelaksanaan PMBI. 	SPARK	2024-2028
2. Memantapkan pentadbiran Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan 2024-2028.	2. Pemetaan dan penyediaan Hala Tuju Portfolio Majlis Mesyuarat Kerajaan 2024-2028: <ul style="list-style-type: none"> Bengkel, libat urus, pemantauan dan pelaksanaan Portfolio Majlis Mesyuarat Kerajaan. 	UPEN	2024-2028
3. Menjayakan Pelan Strategik Lautan Hijau.	3. Membuat kajian semula terhadap Pelan Induk Pembangunan Mampaan Negeri Kelantan: (2025-2035): <ul style="list-style-type: none"> Bengkel dan libat urus. 	UPEN	2025
4. Mengarusperdanakan dan mengintegrasikan dasar dan konsep perancangan terkini dalam perancangan pengurusan spatial dan guna tanah negeri.	4. Memastikan projek-projek yang dipersetujui dalam pelan tersebut dapat dilaksanakan mengikut jadual.	UPEN	2024-2028
	5. Memastikan projek-projek pembangunan negeri dilaksanakan mengikut perancangan: <ul style="list-style-type: none"> Rancangan Tempatan Jajahan Gua Musang, Bachok, Tanah Merah, Pasir Mas, Machang, Bachok dan Jeli 2040 (Penggantian). Rancangan Kawasan Khas Warisan, Kg. Laut, Tumpat/Danau Tok Uban, Pasir Mas/Persisiran Pantai Bachok/Jeram Mengaji, Pasir Puteh. 	PLANMalaysia Kelantan	2024-2028



1

2

3

4

5

BF
2ST
9PT
17BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: PERANCANGAN

BIDANG FOKUS 1

PENGUKUHAN KECEKAPAN KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN KEPERLUAN RAKYAT MENDOKONG ASPIRASI KEPIMPINAN

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
5. Memperluas dan memantapkan penyelidikan pembangunan ke arah amalan perancangan terbaik untuk kesejahteraan rakyat serta kemakmuran negeri melalui penyediaan pelan induk dan garis panduan perancangan.	6. Menyemak dasar dan pelan induk perancangan peringkat negeri melalui: <ul style="list-style-type: none"> Penyediaan Pelan Induk Perancangan Bandar Pintar Negeri Kelantan. Penyediaan Garis Panduan Kawasan Sasaran Penting, Kawasan Larangan dan Tempat Larangan Negeri Kelantan. Penyediaan Garis Panduan Landskap Negeri Kelantan. 	PLANMalaysia Kelantan	2024-2028
6. Memperkukuh dan memperkasa peranan majlis dan jawatankuasa untuk menyelaraskan perancangan dan pembangunan bandar dan negeri.	7. Mengadakan Majlis Tindakan Pembangunan Negeri. 8. Mengadakan Majlis Pembangunan Ekonomi Wilayah (ECER). 9. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) sebagaimana Piagam Pelanggan/KPI jabatan yang terlibat.	UPEN/PPNK/ PLANMalaysia Kelantan/ECER	2024-2028
7. Memperkasa tatakelola dan tadbir urus GLC-GLC, MNC, swasta, teknokrat dan pakar tempatan.	10. Mengadakan mesyuarat ketua-ketua pegawai eksekutif bersama kerajaan negeri secara berkala.	UPEN	Sekurang-kurangnya 2 kali setahun





1

 BF
2
ST
9
PT
17

2

3

4

5

 BF
13
ST
36
PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: PERANCANGAN

BIDANG FOKUS 1

PENGUKUHAN KECEKAPAN KERAJAAN UNTUK MENINGKATKAN KEPERLUAN RAKYAT MENDOKONG ASPIRASI KEPIMPINAN

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
8. Memperkukuhkan Hubungan Kerajaan Persekutuan - Negeri.	11. Memantau pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT) yang telah diluluskan. 12. Merundingkan projek-projek RMLT mengikut keutamaan.	UPEN/PPNK	2024-2028

BIDANG FOKUS 2

KESIAPSAGAAN DALAM MENANGANI RISIKO BENCANA

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
9. Memperkukuh Pengurusan Risiko Bencana Negeri.	13. Membangunkan Sistem Pengurusan Bencana. 14. Mengarusperdanakan Pemakaian <i>Integrated River Basin Management (IRBM)</i> . 15. Melaksanakan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (ISMP) secara komprehensif. 16. Mengambil kira <i>Malaysia National Water Balance System (NAWABS)</i> dalam sekitar air. 17. Mengambil kira <i>Total Maximum Daily Loads (TMDL)</i> dalam mengawal standard kualiti air.	Bahagian Pengurusan Bencana, SUK/JPS/NADMA/APM/JSANK	2024-2028



1

2

3

4

5

BF
4ST
14PT
28BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: PENTADBIRAN AWAM

BIDANG FOKUS 1

PENONJOLAN KETOKOHAN KEPIMPINAN ISLAM SEBAGAI PENERAJU PERUBAHAN

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
1. Memberi penerapan konsep pentadbiran Islam di kalangan pegawai dan kakitangan.	1. Penguksuhan penjawat awam yang seimbang dari segi ilmu, maklumat dan kemahiran ke arah pembangunan modal insan yang seimbang. 2. Mencadangkan/mewujudkan Diploma Lanjutan berkenaan ketokohan Khulafa' al-Rasyidin/ulama dalam kepimpinan Islam dan menggalakkan penjawat awam mengikut diploma tersebut.	BPSM	2024-2028
2. Memberi galakan kepada pegawai untuk mengikut latihan profesional dan menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.	3. Peningkatan bilangan penjawat awam yang memiliki Ijazah Sarjana/PhD/kelayakan profesional. 4. Memberi kemudahan dan insentif galakan kepada penjawat awam yang mendapat ijazah lanjutan/sijil profesional/AI-Hafiz. 5. Menghantar lebih ramai pegawai mengikut Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO).	BPSM	2024-2028



1

2

3

4

5

BF
4ST
14PT
28BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: PENTADBIRAN AWAM

BIDANG FOKUS 1

PENONJOLAN KETOKOHAN KEPIMPINAN ISLAM SEBAGAI PENERAJU PERUBAHAN

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
<p>3. Memperkukuhkan Pengurusan Ihtirafi Tunjang Kesejahteraan-penjawat awam yang bersifat Hawariyyun (pendukung kepada perjuangan yang suci), Kafa'ah (akhlak Islami dan integriti sebagai asas kepada pengurusan ihtirafi), Wafa' Bil Uqud (keinginan untuk mencapai piawaian yang terbaik), Himmatul Amal (mengejar peningkatan kualiti dan cita-cita dalam profesion), dan Hafazah (memelihara dan meningkatkan imej profesion).</p>	<p>6. Menyediakan dasar pelaksanaan konsep pengurusan ihtirafi. 7. Mengadakan bengkel penerangan berkaitan konsep pengurusan ihtirafi.</p>	<p>BPSM/SPARK/ Unit Audit Dalam/Bahagian Pengurusan Korporat/IPTG</p>	<p>2024-2028</p>

SKOP UTAMA: PENTADBIRAN AWAM

BIDANG FOKUS 2

PEMERKASAAN DASAR UMI



1

2

3

4

5

BF
4

ST
14

PT
28

BF
13

ST
36

PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
4. Meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan.	8. Peningkatan keberkesanan dan pemantapan pengurusan organisasi. 9. Mengadakan naziran berkala di jabatan/agensi yang berurusan dengan pelanggan. 10. Amalan persekitaran EKSA. 11. <i>Mystery Shopping</i> .	Bahagian Pengurusan Korporat/ Unit Audit Dalam	2024-2028
5. Memperluaskan penyampaian dasar UMI (Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan).	12. Pemantauan secara berterusan pelaksanaan program UMI peringkat jabatan secara berterusan melalui mesyuarat jawatankuasa pemantauan pelaksanaan UMI setiap 2 bulan sekali. 13. Pemantapan dan pengukuhan penghayatan dasar UMI (Ubudiyyah, Mas'uliyah dan Itqan) dan menyebarkan Penghayatan Membangun Bersama Islam.	BPSM/IPTG	2024-2028



1

2

3

4

5

BF
4ST
14PT
28BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: PENTADBIRAN AWAM

BIDANG FOKUS 3

PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG HOLISTIK DAN TERATUR

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
6. Menetapkan Hala Tuju Strategik Pentadbiran Kerajaan.	14. Menyediakan pelan strategik pengurusan dan pembangunan sumber manusia.	BPSM	2024-2028
7. Memantapkan kapasiti organisasi.	15. Mengadakan program penempatan silang di mana pegawai terpilih akan diberi peluang dan pendedahan untuk mempelbagaikan kemahiran dalam dan luar negara. 16. Keperluan <i>workload balance</i> di agensi dan jabatan.	BPSM	2024-2028
8. Memperkasa pengurusan pekerja berkualiti.	17. Program/mesyuarat pembangunan kriteria pemilihan yang dinamik. 18. Penekanan pemilihan kepada kelulusan dan kemahiran dalam urusan pengambilan pegawai baru. 19. Pembiayaan pemegang Ijazah Sarjana Muda cemerlang ke peringkat lebih tinggi.	BPSM	2024-2028
9. Membangunkan kompetensi tenaga kerja.	20. Program latihan berterusan.	BPSM	2024-2028



1

2

3

4

5

BF
4ST
14PT
28BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: PENTADBIRAN AWAM

BIDANG FOKUS 3

PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG HOLISTIK DAN TERATUR

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
10. Memperkasa pengurusan prestasi, pengiktirafan dan ganjaran.	21. Penilaian <i>MyPerformance</i> Pegawai melalui Sistem HRMIS. 22. Mengadakan Mesyuarat Pemantauan Sasaran Kerja Tahunan (SKT).	BPSM	2024-2028
11. Membentuk budaya kerja cemerlang.	23. Pelaksanaan Mesyuarat MBJ di peringkat jabatan/agensi.	BPSM	2024-2028
12. Memperkasa sistem penyampaian e-Government.	24. Memantapkan infrastruktur dan sistem e-Government di setiap agensi dan jabatan.	BPSM	2024-2028



1

2

3

4

5

BF
4ST
14PT
28BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: PENTADBIRAN AWAM

BIDANG FOKUS 4

MEMPERKASA PERKHIDMATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
13. Menyelaraskan usaha pelbagai agensi melalui pendekatan pencegahan psikologi.	25. Mengadakan Konvensyen Psikologi peringkat Kebangsaan dengan kerjasama Lembaga Kaunselor Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Awam.	BPSM	1 kali
	26. Melaksanakan mesyuarat Jawatankuasa Panel Kesihatan Mental Bersepadu.		1 kali setahun
14. Memastikan tahap kesihatan mental penjawat awam berada di tahap yang baik melalui pendekatan intervensi psikologi.	27. Pembangunan modul mengintegrasikan alat <i>biofeedback</i> /kaunseling syarie dalam Program Intervensi Pegawai.	BPSM	70% daripada pegawai yang terlibat
	28. Mengadakan program Pensijilan Profesional Pengurusan Psikologi Organisasi kepada Ahli Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam.		80% AKRAB terlibat



MAJLIS مجلس كراوى سى تحفيظ

GLAOUASI TAHFIZ

BANK ISLAM Bank Islam Malaysia Berhad

ANUGERAH TOKOH HAFIZ TERBAIK 2025

MUHAMMAD IZZUL BIN RAZALI

TARikh DATE: 08 05 25

SATU RIBU SAHAJA

ATAU PEMBAYA OR BEARER: RM : 1,000.00

YAYASAN ISLAM KELANTAN

||00 || 291657 || 40 || 03018 9010039285 || 32

KEJ UMB

RAH TOK
HAMM
YASAN

6 bers
w Hotel





1

2

3

4

5

BF
2ST
2PT
12BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: KEWANGAN

BIDANG FOKUS 1

SUMBER HASIL BAHARU

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
1. Meningkatkan sumber hasil baharu Negeri Kelantan.	1. Mewujudkan dan menguatkuasakan enakmen-enakmen baharu Kerajaan Negeri yang boleh mendatangkan hasil.	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG)/JSANK/ Jabatan Perhutanan Negeri/ PTJ/JAHEAIK	Sekurang-kurangnya 1 enakmen
	2. Mewujudkan Perbadanan Taman Negeri bagi mengawal dan mengutip hasil sumber pelancongan taman-taman tersebut.	UPEN	Mewujudkan sekurang-kurangnya 1 taman negeri
	3. Melaksanakan semakan kadar hasil cukai dan bukan cukai melalui penubuhan pasukan khas (<i>task force</i>).	Pejabat Perbendaharaan Negeri	Sekurang-kurangnya 1 semakan cukai
	4. Pelarasan kadar bayaran di semua jabatan mengenai semua kutipan.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	Sekurang-kurangnya 1 kali setahun
	5. Meneliti peruntukan undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedia ada bagi memastikan segala tunggakan kutipan hasil akan menjadi lebih cekap. Antaranya: <ul style="list-style-type: none"> Rampasan tanah Pungutan cukai Tanah yang tertunggak 	PTG	2024-2028



1

2

3

4

5

 BF
2
ST
2
PT
12

 BF
13
ST
36
PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: KEWANGAN

BIDANG FOKUS 1

SUMBER HASIL BAHARU

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
	6. Penguatkuasaan cukai kutipan 80% tunggakan cukai tanah, 60% penguatkuasaan kutipan bagi notis dan denda lewat bayaran cukai tanah, urusan berkaitan premium tanah serta kutipan lebih akaun amanah yang lain: <ul style="list-style-type: none"> • Pengiklanan • Pembayaran • Penguatkuasaan • <i>Red tape</i> 	PTG	2024–2028

BIDANG FOKUS 2

PENGUKUHAN KEWANGAN NEGERI

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
2. Menggubal dasar kewangan Negeri Kelantan.	7. Memastikan GLC dapat menyumbang sekurang-kurangnya 25% kepada Kerajaan Negeri daripada keuntungan.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	2024–2028
	8. Memastikan tunggakan hasil dapat mencapai target dalam bajet.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	2024–2028
	9. Mengadakan insentif supaya tunggakan hasil dapat mencapai target.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	2024–2028



SKOP UTAMA: KEWANGAN

BIDANG FOKUS 1

PENGUKUHAN KEWANGAN NEGERI



1

2

3

4

5

BF
2ST
2PT
12BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
	10. Menggunakan kemahiran teknikal sedia ada di jabatan dalaman (<i>in-house</i>) bagi projek bawah RM500,000.	PPN/JKR/JPS/ PLANMalaysia Kelantan	2024-2028
	11. Meningkatkan dan mempelbagaikan rizab negeri.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	2024-2028
	12. Memperkasakan Tabung Serambi Mekah.	Pejabat Pembangunan Negeri	Mendapatkan sumbangan sekurang-kurang nya 10juta setahun





1

2

3

4

5

BF
2ST
4PT
19BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: EKONOMI

BIDANG FOKUS 1

PENERAJU EKONOMI ISLAM

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
1. Memastikan keadaan ekonomi rakyat dapat dipacu dengan lebih efektif dan komprehensif.	1. Mewujudkan sistem permohonan bagi proses pembangunan tanah secara lebih efektif.	PTG	Sekurang-kurangnya 1 sistem setahun
	2. Penyaluran peruntukan pembangunan yang seimbang kepada semua jajahan.	UPEN	2024-2028
	3. Penilaian kerja-kerja secara berkala.	Bahagian Audit Dalaman/Audit PTG	2024-2028
	4. Kursus prosedur kewangan dan arahan perbendaharaan.	BPSM	2024-2028
2. Menyeimbangkan sosioekonomi antara Negeri Kelantan dan negeri lain.	5. Mempergiatkan naik taraf status tanah mukim kepada tanah bandar bagi semua Pentadbir Tanah dengan bagi proses menaik taraf status tanah mukim kepada bandar.	PTG	Sekurang-kurangnya 1 mukim setiap jajahan
	6. Menambahkan kapasiti pengeluaran kuari melalui penambahan pembelian mesin pemrosesan kuari di JKR Kuari.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	40 juta dalam tempoh 5 tahun
	7. Pelaksanaan sistem dan garis panduan pemantauan kuari yang lebih berkesan.	Pejabat Perbendaharaan Negeri/JKR	2024-2028
	8. Mengadakan bengkel/sesi libat urus bagi mencari punca hasil yang boleh dipungut.	UPEN	2024-2028



1

2

3

4

5

BF
2ST
4PT
19BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: EKONOMI

BIDANG FOKUS 1

PENERAJU EKONOMI ISLAM

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
	9. Mengadakan kerjasama program karbon kredit bersama agensi dan GLC (dalam masa 5 tahun) jangka panjang.	Jabatan Perhutanan Negeri	2024-2028
	10. Menjana kewangan negeri menerusi tuntutan pampasan (kos melepasi) bagi kawasan Taman Negara dan Taman Negeri (sepanjang tahun) termasuk talian penghantaran elektrik.	Jabatan Perhutanan Negeri	2024-2028

BIDANG FOKUS 2

MEMBANGUNKAN PELAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
3. Peningkatan KDNK negeri.	11. Menetapkan Dasar Industri Hiliran bagi sumber mineral perlu diwujudkan dalam negeri bagi memberi manfaat ekonomi kepada penduduk dan negeri.	PTG	Sekurang-kurangnya 1 Industri Hiliran
	12. Menjadikan sektor pembinaan dan pembuatan sebagai salah satu daripada penyumbang utama KDNK Negeri Kelantan selain dari sektor perkhidmatan dan sektor pertanian serta sektor perlombongan (REE, emas, silika).	UPEN	2024-2028



1

2

3

4

5

BF
2ST
4PT
19BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: EKONOMI**BIDANG FOKUS 2****MEMBANGUNKAN PELAN PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM**

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
	13. Pembangunan ekonomi kawasan sempadan dan mesra pelabur.	UPEN	Industri Hiliran
	14. Jaringan dan Pembangunan Ekonomi Strategik SG4.	SPARK	Industri Hiliran
	15. Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negara-penambahan hasil dalam bidang pemakanan (pertanian).	UPEN	2024-2028
4. Menggalakkan pembangunan ekonomi secara Islam.	16. Membangunkan Ekonomi Halal. 17. Penubuhan Yayasan Kemajuan Ekonomi Islam Kelantan. 18. Menerajui ekonomi waqaf dan Baitul Mal. 19. Ekonomi bebas riba.	UPEN/PKINK	2024-2028





1

2

3

4

5

BF
3ST
7PT
17BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: TANAH**BIDANG FOKUS 1****PEMBANGUNAN TANAH BERASASKAN TEKNOLOGI DIGITAL**

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
1. Memantapkan kecekapan pentadbiran tanah dan pengurusan hasil secara bersepadu melalui pembangunan Sistem e-Tanah.	1. Penerokaan, pengemaskinian dan pendekatan adaptasi dasar dan SOP yang baharu dan sistematik dalam mendepani isu dan cabaran bagi memaksimumkan kutipan hasil. 2. Pembangunan modal insan dari aspek pembudayaan ilmu, pengurusan organisasi yang berintegriti dan nilai murni selain pengoptimuman sumber manusia dan sumber kewangan jabatan. 3. Merangka pelan tindakan penerimaan kepada end user (rakyat dan stakeholders). 4. Mengadakan OSC di setiap pejabat tanah bagi melancarkan urusan pengurusan tanah.	PTG/BPTM/PTG	2024-2028
2. Memantapkan pengurusan persempadanan Negeri Kelantan secara inklusif.	5. Memperkukuh Jawatankuasa Persempadanan Negeri yang telah sedia ada dengan sesi libat urus yang lebih berkala. 6. Memantapkan hubungan strategik antara negeri-negeri sempadan selain mengekalkan hubungan dua hala yang baik antara negeri dan persekutuan dengan menyegerakan proses menandatangani MoU dan menerima ukuran sempadan antara negeri jiran.	UPEN/PTG	2024-2028



1

2

3

4

5

BF
3ST
7PT
17BF
13ST
36PT
93

BF Bidang Fokus

ST Strategi

PT Pelan Tindakan

SKOP UTAMA: TANAH

BIDANG FOKUS 1

PEMBANGUNAN TANAH BERASASKAN TEKNOLOGI DIGITAL

STRATEGI	PELAN TINDAKAN	AGENSI PELAKSANA	KPI
3. Membanteras segala bentuk kesalahan mengikut perundangan yang berkuatkuasa di bawah Kanun Tanah Negara 1965 untuk meningkatkan hasil.	7. Merancang dan menyelaras pelaksanaan tindakan penguatkuasaan dalaman dan bersepadu bersama jabatan/agensi negeri yang terlibat. 8. Meningkatkan keupayaan penguatkuasaan melalui pemerkasaan sumber manusia, teknologi dan perundangan. 9. Mengawasi tanah kerajaan, tanah rizab dan tanah lombong sekaligus membendung penerokaan haram.	PTG/PTJ/BPNK	2024-2028
